

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN  
[ PADANG RENGAS ]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [ PADANG RENGAS ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini penerusan projek 5 stesen Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) yang dibatalkan sebelum ini, termasuk unjuran tarikh pengoperasian serta implikasi kos tambahan yang terlibat berbanding unjuran asal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan 5 stesen di bawah projek LRT3, iaitu Stesen Tropicana, Raja Muda, Temasya, Bukit Raja dan Bandar Botanik, telah ditangguhkan pada tahun 2018 susulan langkah penjimatan. Pelaksanaan projek ini akan diteruskan bagi skop *reinstatement* 5 stesen tersebut tertakluk kepada kelulusan projek dan penyaluran dana daripada Kementerian Kewangan (MOF) atau Kementerian Ekonomi (KE). Pada masa kini, pihak Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) sedang memuktamadkan butiran teknikal dan kewangan Perjanjian Kontrak Tambahan. Skop kerja *reinstatement* melibatkan skop reka bentuk dijangka akan bermula pada suku pertama 2025.
2. Manakala kerja-kerja fizikal dijangka akan bermula pada suku keempat 2025 bagi tempoh 2 tahun. Pembinaan 5 stesen ini dijangka siap pada suku keempat tahun 2027 dan dijangka akan beroperasi bermula pada suku kedua tahun 2028.
3. Kos asal projek LRT3 yang diluluskan pada 2015 adalah sebanyak RM31.65 bilion. Namun begitu, selaras dengan langkah penjimatan oleh Kerajaan, pada 2018 kos tersebut telah dikurangkan kepada RM16.63 bilion melalui pengurangan skop projek. **Penambahan RM5.3 bilion bagi skop *reinstatement*** menjadikan kos keseluruhan projek LRT3 adalah sebanyak RM21.93 bilion. Jika dibandingkan dengan kos asal projek LRT3, jumlah kos terkini adalah masih rendah dengan penjimatan sebanyak RM9.72 bilion. Sumber pembiayaan bagi skop *reinstatement* sedang dipertimbangkan oleh MOF.

Sekian, terima kasih.